

18hb. Mei, 1977.

## **SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 8 TAHUN 1977<sup>1</sup>**

### **Sukatan Peperiksaan Perkhidmatan Bagi**

### **Pegawai-pegawai Perkhidmatan Tadbir**

### **Dan Diplomatik dan Perkhidmatan**

#### **Tadbir Am.**

Bersesuaian dengan pengujudan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik pada pe-tingkat atas dan Perkhidmatan Tadbir Am pada peringkat bawah mengikut [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 25 Tahun 1974](#), Jawatankuasa Bagi Mengkaji Sukatan-sukatan Peperiksaan Dalam Perkhidmatan Awam telah meluluskan bentuk Sukatan Peperiksaan Perkhidmatan yang baru bagi perkhidmatan-perkhidmatan tersebut sebagaimana yang dikembarkan bersama ini di [Lampiran 'A'](#). Sukatan Peperiksaan tersebut telah diubahsuai dan dikemaskinikan selaras dengan keperluan-keperluan perkhidmatan bagi kedua-dua perkhidmatan yang berkenaan.

2. Sukatan Peperiksaan yang baharu ini akan dikuatkuasakan mulai 1.1.1978. Urusan Peperiksaan buat pertama kalinya mengikut peraturan Sukatan Peperiksaan Perkhidmatan yang baharu dalam Pekeliling ini akan diumumkan oleh Urusetia Peperiksaan Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia. Walau bagaimanapun, tarikh sebenarnya pengendalian peperiksaan peperiksaan tersebut tidak akan diadakan terawal dari 1hb. Mei, 1978 supaya tempoh masa yang secukupnya adalah diberi dalam peralihan kepada peraturan-peraturan yang baharu ini.

3. Peperiksaan-peperiksaan mengikut peraturan-peraturan Sukatan yang masih terpakai sekarang akan diadakan buat kali terakhirnya dalam peperiksaan pada bulan November/Disember, 1977 ini.

4. Sepertimana juga mengikut peraturan peperiksaan yang terpakai sekarang, pegawai-pegawai dalam percubaan bagi kedua-dua perkhidmatan yang dimaksudkan adalah menduduki peperiksaan yang sama dalam kertas-kertas Bahagian I, II, dan III, kecuali Bahagian IV yang mana hanya diwajibkan bagi pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik sahaja.

5. Pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dalam percubaan yang telah lulus beberapa Bahagian mengikut Sukatan Peperiksaan yang sedia ada terpakai sekarang mengikut [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 11 Tahun 1970](#) dalam peperiksaan-peperiksaan yang diadakan sebelum daripada 1. 1. 1978, adalah layak di-

<sup>1</sup>. Dibatalkan menurut [SPP Bil. 14/82](#) berkuatkuasa pada 1 Jun 1982.

kecualikan daripada mengambil peperiksaan bagi Bahagian-bahagian yang tertentu mengenai perkara yang bersamaan dalam Sukatan Peperiksaan yang baharu, iaitu seperti jadual berikut:-

| <b>Lulus Dalam Peperiksaan Mengikut Sukatan Yang Terpakai Sekarang Melalui <a href="#">SPP 11/70</a></b> | <b>Pengecualian Daripada Peperiksaan Dalam Sukatan Yang Baharu</b> |
|--|--|
| (i) Bahagian I   | Bahagian I   |
| (ii) Bahagian II - Kertas A<br>Pecahan (i)   | Bahagian II - Kertas A<br>Pecahan (i)                              |
| (iii) Bahagian II - Kertas A<br>(Pecahan (ii))   | Bahagian II - Kertas A<br>(Pecahan (ii))                           |
| (iv) Bahagian II - Kertas B<br>(Pecahan (i))   | Bahagian II - Kertas B   |
| (v) Bahagian II - Kertas B<br>Pecahan (ii)   | Bahagian II - Kertas B   |
| (vi) Bahagian III  | Bahagian III   |
| (vii) Bahagian IV  | Bahagian IV  |

6. Pegawai-pegawai yang telah lulus dengan jayanya Kursus Latihan Asas bagi Pegawai-pegawai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) tidak diperlukan lagi mengambil peperiksaan bagi Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik yang baru pada Surat Pekeliling ini.

7. Dengan berkuatkuasanya Sukatan Peperiksaan Perkhidmatan yang baru bagi Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik dan Perkhidmatan Tadbir Am dalam Pekeliling ini, [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 11 Tahun 1970](#) adalah dibatalkan mulai daripada 1. 1. 1978.

Saya yang menurut perintah,

(ABDUL RAHMAN BIN HAJI AHMAD)

Bahagian Perjawatan,  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan  
Awam,  
Malaysia.

Semua Ketua Setiausaha-Ketua Setiausaha Kementerian,

Semua Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan,

Semua Yang Berhormat Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri.

s.k. Setiausaha,

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,

Malaysia,

Jalan Young,

KUALA LUMPUR.

**SUKATAN PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN BAGI**

**PERKHIDMATAN TADBIR DAN DIPLOMATIK/**

**PERKHIDMATAN TADBIR AM.**

1. Keseringan dan tarikh peperiksaan : Dua kali setahun.
2. Tempat Peperiksaan : Akan ditetapkan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Malaysia.
3. Permohonan dikemukakan kepada : Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Malaysia
4. Tarikh terakhir mengemukakan permohonan : Sebulan sebelum tarikh peperiksaan.
5. Sukatan Peperiksaan : **BAHAGIAN 1 - PERLEMBAGAAN DAN UNDANG-UNDANG BERKAITAN**

(termasuk kertas soalan, markah dan masa yang ditetapkan)

Satu kertas yang terbahagi kepada 2 seksyen yang dikehendaki dijawab dalam tempoh 3 jam. Seksyen (i) akan mengandungi 3 soalan mengenai Perlembagaan yang diwajibkan dijawab semuanya. Seksyen (ii) akan mengandungi 7 soalan mengenai Perlembagaan dan Undang-undang yang berkaitan dan 3 daripadanya sahaja dikehendaki dijawab.

**Senarai Bacaan:**

Perlembagaan Persekutuan.

Yang Di Pertuan Agong

(Excercise of Function) Ordinance, 72/1957.

Houses of Parliament (Privileges and Powers)

Ordinance 15/1952.

Timbalan Yang Di Pertuan Agong

(Renumeration) Ordinance, 19/1958.

Assistant Ministers' Act, 5/1960.

Service Commissions Ordinance, 74/1957.

Internal Security Act, 18/1960.

Prevention of Crime Ordinance, 13/1959.

Banishment Ordinance, 11/1959.

Restricted Residence Enactment

(FMS Cap. 29).

Public Order (Prevention) Ordinance,  
46/1958.

National Language - FM. Act, 10/1963 dan  
Malaysia Act, 7/1967.

**Senarai Bacaan Tambahan:**

Ordinance 1      Emergency (Essential powers)  
Ordinance, 1969 (P.U.(A)  
146/15.5.1969).

Ordinance 2      Emergency (Essential Powers)  
Ordinance, No. 2 1969 (P.U.  
(A) 146/17.5.1969).

Ordinance 3      Emergency (Essential Powers)  
Ordinance, No. 3 1969 (P.U.  
(A) 170/27.5.1969).

Ordinance 4      Emergency (Internal Security)  
(Modification of Laws)  
Ordinance, 1969 (P.U. (A)  
186/13.6.1969)

Ordinance 5      Emergency (Public Orders and  
Prevention of Crimes)  
Ordinance, 1969 (P.U. (A) 187/  
13.6.1969).

Ordinance      Emergency (essential Powers)

6 Ordinance, No. 6 1969 (P.U. (A) 219/27.6.1969).

Ordinance Emergency (Essential Powers)  
8 Ordinance, 1969 (P.U. (A) 307B/9.8.1969).

Calon-calon **adalah dibenarkan** merujuk kepada Undang-undang yang tersebut di atas sahaja.

**Bahan-bahan bacaan lain yang berfaedah:**

Prinsip Perlembagaan dan Pemerintahan di Malaysia oleh Dato' Mohd. Salleh bin Abas.

An Introduction to the Constitution of

Malaysia oleh Tan Sri Mohamed Suffian bin Hashim.

An Introduction to the Federal Constitution by R.H. Hickling.

Malayan Constitutional Reports, 1957.

The Malaysian Parliament (Practice & Procedure) by Ahmad Abdullah.

Markah : 100

Masa : 3 jam

**BAHAGIAN II - UNDANG-UNDANG UMUM**

Bahagian peperiksaan ini mengandungi 2 Kertas, iaitu Kertas-kertas A dan B seperti berikut:-

**Kertas A:**

Kertas ini terbahagi kepada 2 pecahan yang di kehendaki dijawab dalam tempoh 3 jam, iaitu 1 1/2 jam tiap-tiap satu pecahan.

**Pecahan (i)**

Soalan-soalan berdasarkan Ordinan Kesaksian (Evidence Ordinance

Masa : 1 1/2 jam.  
Markah : 100  
Soalan : 5 jawab 3 sahaja.

**Pecahan (ii)**

Soalan-soalan adalah mengenai Undang-undang yang berikut:-

Delegation of Powers Ordinance, 1956.

Financial Procedure Ordinance, 1957.

Interpretation and General Clauses Ordinance, 1948.

Interpretation Act, 1967.

Public Authorities Protection Ordinance, 1948

Government Contracts Ordinance, 1949.

Contracts (Malay States) Ordinance, 1949.

Official Secrets Ordinance, 1950.

Government Proceeding Ordinance, 1956

**Senarai Bacaan Tambahan:**

The Bankers Book Evidence Ordinance, 1949

The Stamp Ordinance, 1949 (Part VII).

Masa : 1 1/2 jam.

Markah : 100

Soalan : 7 Jawab 3 sahaja.

Calon-calun **adalah dibenarkan** merujuk kepada Undang-undang tersebut di atas sahaja.

**Kertas B:**

Kertas ini mengandungi soalan-soalan

mengenai Undang-undang dan Peraturan-peraturan yang terbahagi kepada seksyen-seksyen berikut:-

**Seksyen (i)** akan mengandungi 4 soalan mengenai Undang-undang yang berikut dan 2 daripadanya sahaja dikehendaki dijawab.

National Land Code, 1965.

Land Acquisition Act, 1960.

Small Estates (Distribution) Ordinance, 1955.

Election Act, 1954.

Election (Registration of Electors) Regulations, 1971.

Election Offences Ordinance, 1954.

Election (Conduct of Elections) Regulations, 1959.

Calon-calon **adalah dibenarkan** membuat rujukan kepada Undang-undang di atas sahaja.

**Seksyen (ii)** akan mengandungi 4 soalan mengenai Undang-undang yang berikut dan 2 daripadanya sahaja dikehendaki dijawab.

Immigration Ordinance, 1959.

Immigration Act, 1963.

Immigration Regulations 1963 and Orders made thereunder.

Manual of Consular Instructions.

Citizenship of Malaysia.

Passport Act, 1966.

National Registration Act, 1959.

National Registrations Regulations, 1960.

Ordinance Perkahwinan Awam, 1952.

Calon-calon **adalah dibenarkan** membuat rujukan kepada Undang-undang dan Peraturan-peraturan diatas sahaja.

**Seksyen (iii)** akan mengandungi 5 soalan mengenai Undang-undang yang berikut dan 3 daripadanya sahaja dikehendaki dijawab.

Industrial Relations Act 1967 dan Pindaan-pindaan 1975.

Employment (Restriction) Act 1968 dan pindaan.

Employment (Restriction) (Employment Permit) Regulations, 1969.

Road Traffic Ordinance 1958 dan Peraturan-peraturan di bawahnya.

Akta Pertubuhan 1966 dan pindaan-pindaan di bawahnya.

Peraturan Pertubuhan 1966 dan pindaan-pindaan di bawahnya.

Calon-calon **dibenarkan** merujuk kepada Undang-undang dan Peraturan-peraturan di atas sahaja.

Markah : 100

Masa : 3 jam

**BAHAGIAN III - PERINTAH-PERINTAH DAN ARAHAN-ARAHAN PENTADBIRAN**

Soalan-soalan dalam kertas ini adalah berdasarkan Perintah-perintah dan Arahan-arahan Pentadbiran yang berikut:-

Arahan Perbendaharaan;

[Perintah Am Bab 'A'](#) dan ['D'](#);

Panduan Keselamatan Kerajaan;

Pekeliling-pekeliling dan Surat-surat Peke-

liling yang berkaitan.

Jumlah soalan yang disediakan adalah 12 di mana calon-calon dikehendaki menjawab 8 daripadanya. Bagi tujuan peperiksaan, kertas ini terbahagi kepada 4 seksyen seperti berikut:-

**Seksyen A** akan mengandungi 4 soalan mengenai Arahan Perbendaharaan serta Pekeliling-pekeliling dan Surat-surat Pekeliling yang berkaitan. Calon-calon dikehendaki menjawab 3 daripadanya.

**Seksyen B** akan mengandungi 3 soalan mengenai [Perintah Am Bab 'A'](#) serta Pekeliling-pekeliling dan Surat-surat Pekeliling yang berkaitan. Calon-calon dikehendaki menjawab sekurang-kurangnya 1 soalan.

**Seksyen C** akan mengandungi 3 soalan mengenai [Perintah Am Bab 'D'](#) serta Pekeliling-pekeliling dan Surat-surat Pekeliling yang berkaitan. Calon-calon dikehendaki menjawab sekurang-kurangnya 1 soalan.

**Seksyen D** akan mengandungi 2 soalan mengenai Panduan Keselamatan Kerajaan serta Pekeliling-pekeliling dan Surat-surat Pekeliling yang berkaitan. Calon-calon dikehendaki menjawab sekurang-kurangnya 1 soalan.

6. Optional Protocol Concerning the Compulsory Settlement of Disputes, United Nations, 1961.

Calon-calon **tidak dibenarkan** merujuk kepada bahan-bahan bacaan di atas.

### **Seksyen B - Hal Ehwal Politik Antarabangsa**

Memperkenalkan perkara-perkara yang menyentuh Dasar Luar Negeri, Peranan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, International Court of Justice dan Badan-badan

Antarabangsa yang lain seperti ASEAN/Kerjasama Serantau, Negara-negara Berkecuali, Negara-negara Islam UNCTAD, UNESCO dan sebagainya. Ini termasuklah juga perkara-perkara di bawah:-

- (a) Conventions of Territorial Seas and Contiguous Zone, High Seas, Fishing and Conservation living resources on the High Seas and the Continental Shelf.
- (b) Disarmament.
- (c) Neutralisation.

Soalan : 4 jawab 3 (termasuk 1 soalan wajib).

Markah : 40%

Masa : Masa Untuk keseluruhan Seksyen A dan B ialah 3 jam.

**Bahan-bahan Bacaan:**

1. Foreign Affairs Magazine.
2. Daily Newspapers.
3. Charter of the United Nations and Statute of the International Court of Justice (Documentary and Commentary).
4. United Nations and the Maintenance of International Peace and Security-By Leland Mathew Goodrich.
5. International Court of Justice The Hague - By Edvard Isak Hambro.

Calon-calon **tidak dibenarkan** merujuk kepada bahan-bahan bacaan di atas.

6. Keputusan : Calon-calon akan hanya diberi keputusan samada mereka lulus atau kandas.

7. Pengecualian : Seseorang calon yang lulus mana-mana Bahagian atau Pecahan dalam Peperiksaan adalah dikecualikan daripada mengambil Bahagian atau Pecahan itu lagi.
8. Pegawai-pegawai yang berkelayakan mengambil periksaan ini : Pegawai-pegawai yang disyaratkan mengambil peperiksaan ini mengikut syarat-syarat perkhidmatan masing-masing.
9. Tujuan peperiksaan : Untuk pengesahan dalam jawatan.
10. Pemeriksa-pemeriksa : Pegawai-pegawai yang dilantik oleh:-
- Bahagian I** - Peguamcara Negara.
  - Bahagian II** - Peguamcara Negara.
  - Bahagian III** - Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan.
  - Bahagian IV** - Ketua Setiausaha, Negeri.